



OBJEKTIF KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

Adalah menjadi dasar Jabatan Penerangan Malaysia untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan sihat untuk semua pekerjaanya dan orang-orang lain yang mungkin terjejas oleh aktiviti-aktivitinya.

Pihak pengurusan dan pekerja akan sama-sama berusaha untuk mencapai matlamat dan objektif-objektif dasar ini melalui rundingan dan kerjasama.

Khususnya dasar Jabatan ialah:

- untuk menyedia dan menyenggarakan suatu tempat dan sistem kerja yang selamat dan sihat;
- untuk memastikan bahawa semua kakitangan adalah diberi maklumat, arahan, latihan dan penyeliaan berkenaan cara untuk menjalankan tugas dengan selamat dan tanpa risiko kepada kesihatan;
- untuk menyasat semua kemalangan, penyakit, keracunan dan kejadian berbahaya dan mengambil langkah-langkah untuk memastikan kejadian-kejadian tersebut tidak berulang lagi;
- untuk mematuhi kehendak-kehendak perundangan dan lain-lain keperluan mengenai keselamatan dan kesihatan seperti yang ditetapkan di dalam Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994, peraturan-peraturannya dan tataamalan industri yang diluluskan;
- Untuk menyediakan kemudahan-kemudahan kebajikan bagi semua pekerja; dan
- Untuk mengkaji semula dasar ini apabila perlu.

Jabatan yakin bahawa keselamatan dan kesihatan yang dipertingkatkan secara berterusan mestilah diintegrasikan ke dalam aktiviti-aktiviti harian kita, dan penggunaan cara kerja selamat dan sihat adalah faktor utama ke arah memastikan kejayaan misi kita.

(DATO' HAJI IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN)

KETUA PENGARAH

JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

TARIKH : 30 MEI 2018